

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menjelaskan kedudukan kewangan semasa FELDA dan FELDA Technoplant Sdn Bhd (FTP).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan dan operasi FELDA semakin pulih dengan penambahbaikan berterusan melalui pelaksanaan inisiatif Kertas Putih FELDA. Kerajaan telah memulakan langkah proaktif dengan menyalurkan peruntukan secara berperingkat kepada FELDA untuk memulihkan kedudukan kewangan dan operasi FELDA serta menjamin kebajikan peneroka.
  
2. Kedudukan kewangan dan operasi FELDA bertambah baik dengan pengurusan dalam yang cekap. Penyata Kewangan FELDA pada 30 Jun 2019 yang belum diaudit mencatatkan kerugian bersih selepas cukai sebanyak RM260.37 juta berbanding RM660.79 juta pada Jun 2018. Di samping itu, jumlah baki tunai FELDA adalah sebanyak RM214.48 juta berbanding RM92.44 juta pada Jun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. FELDA Technoplant Sdn Bhd (FTPSB) merupakan agen pengurusan tanam semula yang bertanggungjawab mengurus operasi tanam semula sawit dan getah bagi kebun milik peneroka yang bersama FELDA. Oleh yang demikian, kedudukan kewangan FTPSB adalah berkait secara langsung dengan kedudukan kewangan semasa FELDA.
4. Penyata Kewangan FTPSB pada 30 Ogos 2019 yang belum diaudit mencatatkan keuntungan sebanyak RM140 ribu berbanding RM122 ribu pada 30 Ogos 2018. Selain itu, penyata yang sama menunjukkan jumlah baki tunai di tangan adalah sebanyak RM2.6 juta berbanding RM167 ribu pada tempoh yang sama bagi tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan dan operasi FTPSB dijangka bertambah baik seiring dengan pelaksanaan strategi yang digariskan dalam Kertas Putih FELDA.

Sekian, terima kasih.